UUM lanjut tempoh daftar

BH 20/12/05 7:2

Buka pusat pendaftaran sementara bagi kemudahan pelajar

Banjir

ALOR STAR: Banjir yang menyebabkan beberapa jalan utama di negeri ini ditutup kepada semua kenderaan memaksa Universiti Utara Malaysia (UUM) memanjangkan tempoh pendaftaran pelajar barunya hingga Isnin ini.

Pengarah Hal Ehwal Akademik UUM, Baharudin Yaacob, berkata langkah memanjangkan tempoh pendaftaran itu dibuat bagi memberi kemudahan kepada pelajarnya yang terbabit dengan bencana berkenaan untuk mendaftar.

Selain itu katanya, banjir yang memutuskan hubungan jalan darat juga menyebabkan UUM mengambil inisiatif membuka sebuah pusat pendaftaran sementara di Taman Siswa, Tanah Merah di Jitra.

Mengikut jadual, kira-kira 141 pelajar baru, termasuk 71 pelajar antarabangsa dari Oman, China, Somalia dan Amerika Syarikat, mendaftar di UUM kelmarin.

Sementara itu, empat sekolah di negeri ini turut dinaiki air iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jitra, Sekolah Kebangsaan (SK) Jitra 1, SMK Changloon dan SK Datuk Wan Kemara di Changloon semalam.

Pengarah Pelajaran negeri, Datuk Abdul Rahmat Yop, berkata walaupun 40 komputer di makmal komputer di SMK Jitra sempat diselamatkan, jumlah sebenar kerosakan belum diterima.

"Sesi persekolahan bagi 2006 dijadualkan bermula 2 Januari ini. Bagaimanapun, kita masih lagi menunggu dan melihat perkembangannya dan berharap banjir akan surut sebelum sekolah dibuka," katanya.

Jurucakap Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) pula berkata, empat orang yang dilaporkan hilang ketika menaiki perahu pagi semalam, sudah dijumpai dan diselamatkan penduduk Kampung Wang Tepus dengan bantuan anggota Bomba dan Penyelamat.

"Mereka sebenarnya bukan kumpulan penyelamat seperti yang dikatakan pada awalnya, sebaliknya empat orang awam dalam perjalanan menaiki bot untuk menziarahi ibu saudara seorang daripada mereka.

"Perahu yang mereka naiki terbalik akibat arus deras tetapi semua mangsa dapat diselamatkan dan dihantar ke sebuah pusat pemindahan banjir di Jitra," katanya ketika ditemui di sini.

FAKTA NOMBOR

96
Pusat pemindahan di Kedah

10
Di Kota Star

26
Di Kubang Pasu

56
Di Padang Terap

4
Di Langkawi

UUM / BH / 20.12.2005 / P: 7 (2)